

UPM anjur 'STEM Voyage', perluas akses pendidikan sains dan teknologi kepada pelajar luar bandar



SERDANG, 7 Julai – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan program pendidikan imersif 'STEM Voyage' bagi menarik minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program bertemakan 'Igniting Curiosity, Inspiring Futures' ini bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan STEM dalam pembangunan negara dan kehidupan masa hadapan.

Timbalan Naib Yang Dipertua (Akademik dan Keusahawanan) MPP UPM, Easwaran a/I Vasudavan yang juga pelajar dari Fakulti Sains berkata, program ini berperanan sebagai jambatan antara universiti dan komuniti, khususnya dalam memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pelajar untuk menceburi bidang mencabar dan berdaya saing ini.

"Program ini bukan sahaja bertujuan memupuk minat terhadap STEM, malah membina hubungan yang bermakna antara pelajar dan dunia sebenar sains.

“STEM adalah bidang yang relevan, menyeronokkan dan penting untuk masa depan negara,” katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa pelajar diberikan peluang meneroka STEM secara langsung melalui aktiviti praktikal dan penggunaan peralatan saintifik sebenar bagi mengubah persepsi mereka terhadap bidang ini.

“Aspirasi negara untuk melahirkan saintis dan inovator bergantung kepada sejauh mana kita mampu menjadikan STEM lebih mudah diakses, difahami dan dirasai oleh pelajar,” katanya.

Dalam pada itu, program ini turut menyokong hala tuju strategik UPM yang berperanan memperkasa penyelidikan, pembelajaran, komuniti dan reputasi global melalui pendekatan akademik yang lestari dan inklusif.

